

SIKAP BAHASA MELAYU MURID-MURID DI SEKOLAH MENENGAH DALAM PROGRAM DWIBAHASA

NORLELA ABDOLLAH

lellajb@yahoo.com

*KARIM HARUN**

Universiti Kebangsaan Malaysia

linguist@ukm.edu.my

**Pengarang perantara*

ABSTRAK

Program Dwibahasa (DLP) dilaksanakan di 300 buah sekolah rintis bermula pada tahun 2016. Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada murid-murid untuk meningkatkan akses dan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat global serta meningkatkan kebolehpasaran murid di alam pekerjaan. Dalam program ini bahasa pengantar dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matemaik di dalam kelas ialah bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik menjadikan bahasa Melayu kian terpinggir. Sikap terhadap bahasa Melayu juga semakin menurun terutama dalam kalangan bangsa bukan Melayu. Kejayaan Program DLP berkait rapat dengan sikap dan penerimaan murid terhadap program ini. Sikap merupakan unsur yang penting dalam mencorakkan perlakuan pembelajaran dan memberi kesan kepada pencapaian akademik. Justeru kajian ini bertujuan untuk membincangkan sikap bahasa dalam kalangan murid. Nyatakan objektif kajian terlebih dahulu pada permulaan perenggan sekolah yang mengikuti Program DLP terhadap bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Responden kajian ini terdiri daripada 202 orang responden daripada 4 buah sekolah rintis di daerah Johor Bahru yang mengikuti Program DLP. Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis menggunakan Statistical Package For Social Science Version 23 (SPSS Version 23). Dalam kajian yang dijalankan ini, sikap Bahasa Melayu murid sekolah menengah. Program Dwibahasa dianalisis dan diteliti melalui aspek kesetiaan bahasa, kebanggaan bahasa dan kesedaran norma bahasa. Hasil kajian mendapati dalam proses PdP Sains dan Matematik sikap bahasa murid terhadap bahasa Melayu masih lagi positif.

Kata kunci: program dwibahasa; penggunaan bahasa; bahasa Melayu; bahasa Inggeris; pengajaran dan pembelajaran

ATTITUDES TOWARDS MALAY LANGUAGE OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN BILINGUAL PROGRAMS

ABSTRACT

The Bilingual Program (DLP) was implemented in 300 pilot schools starting in 2016. The objective of this program is to provide opportunities for students to increase access and exploration of various knowledge to compete globally and increase students' marketability in the workplace. In this program, the medium of instruction in teaching Science and Mathematics

in the classroom is English. The use of English in teaching and learning Science and Mathematics has made the Malay language increasingly marginalized. Attitudes towards the Malay language are also declining, especially among non-Malays. The success of the DLP Program is closely related to students' attitudes and acceptance of this program. Attitude is an important element in shaping learning behavior and affecting academic achievement. Therefore, this study aims to discuss language attitudes among school students who follow the DLP Program towards the Malay language. This study was conducted using a questionnaire instrument. The respondents of this study consisted of 202 respondents from 4 pilot schools in the Johor Bahru district who follow the DLP Program. The data obtained from the questionnaire will be analyzed using Statistical Package For Social Science Version 23 (SPSS Version 23). In this study, the attitudes of secondary school students towards the Malay language. Bilingual Program were analyzed and examined through the aspects of language loyalty, language pride and awareness of language norms. The results of the study found that in the Science and Mathematics PdP process, students' language attitudes towards the Malay language were still positive.

Keywords: dual language program; language usage; Malay language; English language; teaching and learning

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang sangat penting dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan dan perlu dikuasai dengan mempelajarinya melalui kurikulum yang telah dirancang. Era globalisasi yang penuh dengan kemajuan teknologi maklumat serta Internet telah menyebabkan masyarakat dituntut untuk menguasai pelbagai bahasa terutama bahasa Inggeris kerana bahasa tersebut merupakan bahasa ilmu dan bahasa global. Menyedari akan kepentingan menguasai kepelbagaian bahasa ini, kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat terutamanya murid-murid di sekolah. Antaranya dengan melaksanakan Program Imersif Tinggi (High Immersive Program) dan Program Dwibahasa (Dual Language Program) di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Program Imersif Tinggi (High Immersive Program) dan Program Dwibahasa (Dual Language Program) dilaksanakan di 300 buah sekolah rintis di Malaysia. HIP merupakan program peningkatan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui peningkatan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di sekolah. Manakala, DLP merupakan program pengajaran dan pembelajaran Sains, Matematik, Reka bentuk dan Teknologi, Asas Sains Komputer serta mata pelajaran STEM dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Keputusan pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) ini merupakan satu transformasi besar yang dilakukan dalam sistem pendidikan negara walaupun tidak menyeluruh kerana hanya dilaksanakan di sekolah kebangsaan (SK) dan tidak melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan(SJK) Cina dan Tamil

Program DLP berkait rapat dengan sikap dan penerimaan pelajar terhadap program ini. Menurut Norhashimah (2010) sikap merupakan unsur yang penting dalam mencorakkan perlakuan pembelajaran dan memberi kesan kepada pencapaian akademik. Sikap merangkumi proses mental yang bersifat fikiran atau perasaan terhadap sesuatu objek atau aspek yang akan mendorong seseorang itu bertindak. Antara aspek sikap yang perlu diberikan perhatian ialah sikap terhadap bahasa. Sikap terhadap bahasa dapat dilihat menerusi pandangan masyarakat terhadap bahasa itu sendiri. Sikap bahasa yang ditonjolkan sama ada positif ataupun negatif sedikit sebanyak mempengaruhi penguasaan bahasa seseorang itu. Menurut Nik Safiah (1988),

sikap bahasa bermaksud pandangan atau pegangan terhadap bahasa. Sikap bahasa direalisasikan menerusi perasaan cinta akan bahasa, terutamanya bahasa ibunda kerana individu tersebut telah mempunyai hubungan emosi dengan bahasa tersebut (Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin 2014). Sikap bahasa dan pandangan masyarakat sesuatu bahasa turut mempengaruhi kehidupan mereka kerana bahasa merupakan wadah pemikiran dan alat hubungan.

Oleh itu, keputusan pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) ini merupakan satu transformasi besar yang dilakukan dalam sistem pendidikan negara. Strategi pelaksanaan yang menyeluruh dan mantap serta komitmen semua pihak diperlukan untuk menjamin keberkesannya. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan sikap bahasa Melayu murid-murid yang mengikuti Program Dwibahasa (DLP) ketika pembelajaran Sains, Matematik, Reka bentuk dan Teknologi, Asas Sains Komputer dan mata pelajaran STEM di sekolah menengah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Program DLP mula dilaksanakan di 300 buah sekolah rintis bermula pada tahun 2016. Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada murid-murid untuk meningkatkan akses dan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat global serta meningkatkan kebolehpasaran murid di alam pekerjaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015). Namun, Program DLP ini mendapat bantahan dan sokongan beberapa pihak. Terdapat pihak yang berpendapat program DLP merupakan jelmaan semula PPSMI yang ternyata gagal dan ditamatkan pada 2012 (Anwar 2016). Di samping itu, Program DLP ini dikhuatiri akan memisahkan murid aliran kebangsaan kepada dua, iaitu murid beraliran bahasa Inggeris dan murid beraliran bahasa Melayu dalam sebuah sekolah yang sama. Menurut Zaharani (2016) DLP ini bertentangan serta bercanggah dengan aspirasi sistem dan aspirasi murid seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Penggunaan bahasa pengantar untuk mata pelajaran Sains dan Matematik telah diubah kepada bahasa Inggeris sejak Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan bermula tahun 2003 dan kini, telah dilaksanakan dalam Program Dwibahasa walaupun pilihan daripada sekolah. Menurut Norashimah (2010) penggunaan bahasa Inggeris yang meluas menjadikan bahasa Melayu kian terpinggir malah sikap negatif terhadap bahasa Melayu dalam kalangan bangsa bukan Melayu terutamanya bangsa Cina semakin terserlah rentetan daripada ketidaksediaan mereka untuk mempelajari bahasa Melayu malah mula berasaskan identiti nasional dan bahasa Melayu adalah perkara yang tidak penting dalam kehidupan mereka. Kajian Tan Yao Shua (2006) turut menunjukkan pelaksanaan dasar PPSMI akan menyebabkan murid-murid sekolah rendah mengagungkan bahasa Inggeris yang sudah pasti akan menjejaskan martabat bahasa ibunda dan membawa padah kepada proses mewarisi budaya etnik sendiri. Hal ini akan membawa cabaran getir terhadap bahasa ibunda itu sendiri termasuklah bahasa Melayu seperti pandangan Rozali (2011) telah menyenaraikan beberapa elemen yang membawa cabaran getir kepada bahasa Melayu. Salah satu elemen tersebut ialah sikap penutur bahasa Melayu itu sendiri yang ramai dalam kalangan mereka tidak mahu bertutur dalam bahasa Melayu malah berbangga menggunakan bahasa Inggeris walaupun tidak sebaik yang diharapkan. Permasalahan ini turut diperoleh dalam kajian Chew Fong Peng (2008) yang mendapati dalam tempoh 3 tahun pelaksanaan PPSMI, murid-murid telah menunjukkan perubahan sikap, tanggapan dan cara pertuturan mereka daripada penggunaan bahasa Melayu yang murni kepada mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Hal ini secara tidak langsung

menjejaskan status dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan komunikasi murid-murid.

KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian yang berkaitan sikap bahasa yaang berkaitan dengan Program Dwibahasa telah dilaksanakan. Kebanyakan kajian Program Dwibahasa lebih melihat kepada pencapaian subjek yang dipelajari menggunakan bahasa Inggeris (Nur Izyan Mohd Noor, 2020), dan persepsi dan cabaran guru terhadap Program Dwibahasa (Siti Huzaimah Abdullah & Zaimuariffudin Shukri Nordin, 2023). kesediaan guru melaksanakan Program Dwibahasa (Michelle & Muhammad Sofwan, 2024), dan kebolehbacaan buku teks (Nur Ilyani, Nor Liza, Zuraidah, 2024).

Kajian sikap bahasa yang berkaitan dengan bahasa Melayu sudah banyak dilakukan. Antaranya ialah kajian Hamidah et.al (2009) yang dilakukan terhadap sekumpulan pelajar tingkatan 2 seramai 1800 orang di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian beliau menunjukkan sikap pelajar terhadap PPSMI adalah positif, namun majoriti pelajar menunjukkan sikap negatif penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran. Hal ini dibuktikan apabila 51.6% responden lebih suka untuk belajar Sains dalam bahasa Ibunda. Selanjutnya, berdasarkan penelusuran terhadap kajian sikap, terdapat kajian sikap dan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian yang berkaitan sikap terhadap mata pelajaran matematik dilakukan oleh Ismail & Md Yusoff (2020). Beliau mengkaji keberkesanan Program Dwibahasa (DLP) terhadap pengetahuan, sikap dan tingkah laku murid sekolah rendah bagi mata pelajaran Matematik telah menunjukkan murid-murid telah menunjukkan sikap yang positif apabila murid-murid berasa gembira setelah dapat menyelesaikan soalan masalah Matematik dan menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu 91.2%. Namun, pelaksanaan DLP di negara kita yang menggunakan model 100% pengajaran dan pembelajarannya dalam Bahasa Inggeris memberi impak yang negatif terhadap murid-murid sekolah rendah terutamanya terhadap minat, sikap dan tingkah laku mereka. Hal ini demikian kerana, murid-murid berasa kurang yakin dan malu untuk bertanya dengan guru serta tidak mahu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah.

Nur Izyan Mohd Noor (2020) pula telah membuat menganalisis pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) Matematik bagi murid tingkatan dua dan membandingkan pencapaian matematik murid yang mengikuti program DLP dan murid yang tidak mengikuti program DLP. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data kajian diperoleh melalui borang soal selidik dan temu bual. Borang soal selidik yang digunakan ialah boraing soal selidik yang menggunakan skala Likert 5-poin. Respoden kajian pula terdiri daripada 155 orang murid tingkatan dua sekolah menengah sains di Selangor yang dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Untuk peserta tembual, pengkaji telah memilih empat orang guru dan 20 orang murid sebagai peserta kajian yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Hasil kajian daripada soal selidik menunjukkan murid memberi persepsi yang positif terhadap pelaksanaan DLP $[(154) = 57.94, p < 0.05]$. Namun hasil temu bual bersama guru dan murid adalah negatif kerana guru menyatakan bahawa DLP tidak membantu dalam meningkatkan pemahaman konsep matematik murid, manakala murid menyatakan masalah utama yang dihadapi ialah dari segi istilah matematik. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid yang mengikuti program DLP dan tidak mengikuti program DLP $[(284.72) = 0.494, p > 0.05]$. Dapatan kajian ini menunjukkan murid menerima baik pelaksanaan program DLP, namun masih perlu penambahbaikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaannya.

Kajian Siti Huzaimah Abdullah & Zaimuariffudin Shukri Nordin (2023) pula bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap DLP dan cabaran yang mereka hadapi setelah pelaksanaannya dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. Untuk mendapatkan data, kajian ini menggunakan soal selidik dengan soalan terbuka. Responden pula terdiri daripada 67 orang guru DLP dari pelbagai sekolah di daerah Meradong. Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar guru mempunyai pandangan mereka sendiri terhadap pelaksanaan DLP. Mereka menyatakan terdapat pelbagai cabaran ketika melaksanakan DLP terutama sewaktu dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Walaupun terdapat sekolah tertentu yang berminat untuk mengajar Sains dan Matematik melalui DLP, namun kekurangan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris telah menghalang keberkesanan pelaksanaan DLP, seterusnya telah mengakibatkan kekeliruan di kalangan murid terhadap isi pembelajaran mereka.

Kajian kesediaan guru dalam melaksanakan Program Dwibahasa telah dilakukan oleh Michelle & Muhammad Sofwan (2024). Mereka meneliti tahap kesediaan guru pedalaman Sarawak dalam penggunaan DLP dalam pengajaran matematik. Responden kajian terdiri daripada 80 orang guru Matematik sekolah menengah di pedalaman Sarawak yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Kajian ini mendapati bahawa tahap kesediaan guru berada pada tahap yang baik iaitu nilai min 4.3389 dalam pelaksanaan dan nilai standard deviation 7.4039 manakala tahap penggunaan DLP nilai min adalah 4.2109 dan nilai standard deviation adalah 61835. Terdapat juga hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dengan penggunaan DLP dalam matapelajaran matematik.

Kajian Ashairi, Mohamed Yusof dan Melor (2017) mengkaji tentang kesediaan para pelajar terhadap pelaksanaan Program Dwibahasa di sekolah menengah di Malaysia. Kajian dilaksanakan terhadap 145 pelajar yang mengikuti Program Dwibahasa terdiri daripada 80 orang pelajar tingkatan 1 dan 65 pelajar tingkatan 2 di salah sebuah negeri. Hasil kajian tersebut mendapati 50.3% sahaja pelajar yang bersedia untuk mengikuti Program Dwibahasa manakala 46.9% didapati tidak bersedia. Tahap kesediaan dan tahap keyakinan para pelajar yang mengikuti program ini berada pada tahap sederhana sahaja. Penguasaan bahasa Inggeris merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi kesediaan pelajar mengikuti Program Dwibahasa ini. Kajian ini turut membincangkan kurang daripada separuh responden bersetuju bahawa mereka menguasai asas bahasa Inggeris dengan baik. Hanya 40% responden sahaja yang bersetuju bahawa mereka boleh bertutur dan berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Inggeris. Kompetensi pelajar terhadap bahasa Inggeris merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kurangnya kesediaan mereka terhadap Program Dwibahasa.

Berdasarkan kajian yang dibincangkan di atas, kajian tentang sikap Bahasa Melayu dalam Program Dwibahasa masih belum mendapat perhatian oleh para sarjana. Kajian-kajian yang berkaitan dengan Program Dwibahasa ini lebih berfokus kepada bahasa Inggeris, mungkin kerana matlamat utama Program Dwibahasa adalah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Oleh itu, kajian berkaitan sikap bahasa murid dalam Program Dwibahasa wajar dilaksanakan demi memartabatkan bahasa Melayu agar tidak terpinggir dalam arus pendidikan abad ke-21 ini. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini sebagai salah satu inisiatif untuk memartabatkan bahasa Melayu

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber utama yang digunakan banyak dalam bentuk bertulis seperti buku, kertas kerja seminar, jurnal dan latihan ilmiah. Kajian lapangan dilaksanakan dengan

menggunakan instrumen soal selidik. Satu set soal selidik mengenai sikap bahasa telah disediakan. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang diubah suai oleh pengkaji daripada pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Soal selidik ini mengadungi latar belakang responden dan sikap bahasa Melayu yang dilihat melalui aspek kesetiaan bahasa, kebanggaan bahasa dan kesedaran norma bahasa dengan skala likert. Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis menggunakan Statistical Package For Social Science Version 23 (SPSS Version 23).

Kawasan Kajian

Kajian ini dilakukan di empat buah sekolah rintis Program Dwibahasa . Sekolah yang dikaji terletak di kawasan bandar Johor Baharu, Johor. Sekolah tersebut terdiri daripada sebuah sekolah kluster (lelaki), sebuah sekolah harian biasa, sebuah sekolah kluster (perempuan) dan sebuah Sekolah Berprestasi Tinggi.

Responden kajian

Kajian ini dijalankan di daerah Johor Bahru, Johor. Responden kajian terdiri daripada 202 orang pelajar tingkatan dua yang mengikuti Program Dwibahasa di sekolah-sekolah rintis di daerah Johor Bahru, Johor. Daripada 202 orang pelajar tersebut, 68 ialah pelajar lelaki, manakala 134 orang lagi pelajar perempuan. Sekolah-sekolah rintis ini telah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan.


DAPATAN KAJIAN

Sikap bahasa itu ditandai oleh tiga ciri, iaitu kesetiaan bahasa (language loyalty), kebanggaan bahasa (language pride), dan kesedaran adanya norma bahasa (awareness of the norm). Dalam kajian ini, ketiga-tiga ciri sikap bahasa akan dijelaskan. Kajian ini melibatkan responden seramai 202 orang. Data demografi secara keseluruhan dan jantina dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah berdasarkan bilangan dan peratusan responden. Taburan demografi responden dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden Mengikut Sekolah

	Bilangan	Peratus
Sekolah		
Sekolah A	54	26.7
Sekolah B	34	16.8
Sekolah C	30	14.9
Sekolah D	84	41.6
Jumlah	202	100

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan murid yang mengikuti Program Dwibahasa di empat buah sekolah rintis. Kesemua lokasi sekolah yang dijalankan kajian ini terletak di kawasan bandar. Sekolah A merupakan sekolah kluster (lelaki), Sekolah B pula merupakan sekolah harian biasa manakala sekolah C ialah sekolah kluster (perempuan) dan sekolah D pula ialah Sekolah Berprestasi Tinggi.



Rajah 1 Profil Sampel Mengikut Sekolah

Dapatan responden daripada kategori sekolah menunjukkan seramai 54 murid (26.7 %) dari sekolah A, sekolah B pula seramai 34 orang (16.8%) manakala seramai 30 murid (14.9%) dari sekolah C dan dari sekolah D seramai 84 murid (41.6%). Dapatan ini menunjukkan jumlah responden di sekolah D melebihi daripada Sekolah A, sekolah B dan sekolah C yang jelas menunjukkan bahawa sekolah D menawarkan kepada ramai murid untuk mengikuti kelas DLP bersesuaian dengan taraf sekolahnya iaitu sekolah berprestasi tinggi.

Taburan demografi responden mengikut jantina pula ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Taburan Demografi Responden Mengikut Jantina

	Bilangan	Peratus
Sekolah		
Lelaki	68	33.7
Perempuan	134	66.5
Jumlah	202	100

Maklumat dalam Jadual 2 menunjukkan profil sampel berdasarkan jantina. Daripada keseluruhan 202 responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 68 orang atau 33.7 peratus adalah terdiri daripada murid-murid lelaki, manakala seramai 134 orang atau 66.3 peratus lagi

adalah murid perempuan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden dari kalangan murid perempuan melebihi jumlah responden lelaki.

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah menengah. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif tentang sikap bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai Min dan Sisihan Piawai Sikap Bahasa Melayu Pelajar

	Min	Sisihan piawai	Tahap
Kesetiaan bahasa	3.87	1.265	Sederhana
Kebanggaan bahasa	4.52	1.372	Sederhana
Kesedaran norma bahasa	4.03	1.160	Sederhana
Keseluruhan (Sikap Bahasa Melayu murid)	4.14	1.164	Sederhana

(Tahap: Rendah = 1.00 – 3.00, Sederhana = 3.01 – 5.00, Tinggi = 5.01 – 7.00)

Dalam kajian ini, tahap sikap bahasa Melayu murid diukur oleh 3 dimensi iaitu kesetiaan bahasa, kebanggaan bahasa dan kesedaran norma bahasa. Daripada Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa skor kesetiaan bahasa (min = 3.87, SP = 1.265), kebanggaan bahasa (min = 4.52, SP = 1.372) dan kesedaran norma bahasa (min = 4.03, SP = 1.160) dalam kalangan murid adalah berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini juga menunjukkan min kebanggaan bahasa yang lebih tinggi berbanding kesedaran norma bahasa dan kesetiaan bahasa. Secara keseluruhannya, skor tahap sikap bahasa Melayu murid (min = 4.14, SP = 1.164) dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah berada pada tahap yang sederhana.

Kesetiaan Bahasa

Kesetiaan bahasa merupakan sikap yang mendorong suatu masyarakat untuk mempertahankan kemandirian bahasanya dan perlu mencegah kemasukan pengaruh asing. Dengan kata lain, kesetiaan bahasa merujuk kepada semangat kepatuhan, penghormatan, dan pengutamaan terhadap sesuatu bahasa Melayu dalam kalangan penuturnya. Analisis deskriptif taburan kesetiaan bahasa dalam kalangan murid dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Kesetiaan Bahasa

Bil	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Agak tidak setuju	Sama ada setuju atau tidak setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat setuju	Min	SP
	Saya sering	12	18	48	67	24	17	16		1.51
B1	menggunakan bahasa	(5.9)	(8.9)	(23.8)	(33.2)	(11.9)	(8.4)	(7.9)	3.93	8

B2	Melayu dalam semua urusan. Saya sentiasa bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan-rakan. Semua orang harus berusaha untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Saya akan menggunakan bahasa Melayu di mana – mana sahaja. Saya lebih suka belajar menggunakan	14 (6.9)	33 (16.3)	38 (18.8)	51 (25.2)	28 (13.9)	24 (11.9)	14 (6.9)	3.86	1.64 2
B3	n bahasa Melayu berbanding bahasa lain. Saya minat membaca bahan bacaan bahasa Melayu berbanding bahasa lain. Saya lebih suka menulis	3 (1.5)	5 (2.5)	18 (8.9)	24 (11.9)	36 (17.8)	44 (21.8)	72 (35.6)	5.50	1.53 0
B4	dalam bahasa Melayu berbanding bahasa lain. Saya minat rancangan televisyen bahasa	17 (8.4)	31 (15.3)	29 (14.4)	49 (24.3)	37 (18.3)	22 (10.9)	17 (8.4)	3.95	1.70 4
B5	Melayu berbanding rancangan televisyen bahasa	47 (23.3)	33 (16.3)	45 (22.3)	37 (18.3)	20 (9.9)	12 (5.9)	8 (4.0)	3.09	1.68 8
B6	Melayu berbanding rancangan televisyen bahasa	45 (22.3)	44 (21.8)	41 (20.3)	24 (11.9)	21 (10.4)	15 (7.4)	12 (5.9)	3.12	1.80 6
B7	Melayu berbanding rancangan televisyen bahasa	41 (20.3)	30 (14.9)	34 (16.8)	35 (17.3)	30 (14.9)	18 (8.9)	14 (6.9)	3.46	1.85 6
B8	Melayu berbanding rancangan televisyen bahasa	63 (31.2)	35 (17.3)	46 (22.8)	33 (16.3)	14 (6.9)	8 (4.0)	3 (1.5)	2.68	1.53 8

										145
B9	Saya menggunaka	58 (28.7)	34 (16.8)	20 (9.9)	30 (14.9)	16 (7.9)	24 (11.9)	20 (9.9)	3.32	2.08 7

B10	n bahasa Melayu ketika di rumah. Semua rakyat Malaysia mesti fasih berbahasa Melayu.	4 (2.0)	11 (5.4)	11 (5.4)	18 (8.9)	19 (9.4)	40 (19.8)	99 (49.0)	5.74	1.656
Keseluruhan									3.87	1.265

(Tahap: Rendah = 1.00 – 3.00, Sederhana = 3.01 – 5.00, Tinggi = 5.01 – 7.00)

Dalam kajian ini, tahap kesetiaan bahasa diukur oleh 10 item. Jadual 4 menunjukkan dua item mempunyai skor yang tinggi, tujuh item mempunyai skor yang sederhana dan satu item lagi mempunyai skor yang rendah. Item yang mempunyai skor yang tinggi adalah semua orang harus berusaha untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik (min = 5.50, SP = 1.530) dan semua rakyat Malaysia mesti fasih berbahasa Melayu (min = 5.74, SP = 1.656). Manakala item yang mempunyai skor yang sederhana adalah saya sering menggunakan bahasa melayu dalam semua urusan (min = 3.93, SP = 1.518), saya sentiasa bertutur dalam bahasa melayu dengan rakan-rakan (min = 3.86, SP = 1.642), saya akan menggunakan bahasa Melayu di mana – mana sahaja (min = 3.95, SP = 1.704), saya lebih suka belajar menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa lain (min = 3.09, SP = 1.688), saya minat membaca bahan bacaan bahasa Melayu berbanding bahasa lain (min = 3.12, SP = 1.806), saya lebih suka menulis dalam bahasa Melayu berbanding bahasa lain (min = 3.46, SP = 1.856) dan saya menggunakan bahasa Melayu ketika di rumah (min = 3.32, SP = 2.087).

Bagi item yang mempunyai skor yang rendah pula adalah saya minat rancangan televisyen bahasa Melayu berbanding rancangan televisyen bahasa lain (min = 2.68, SP = 1.538). Secara keseluruhannya, skor tahap kesetiaan bahasa (min = 3.87, SP = 1.265) dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap yang sederhana.

Kebanggaan Bahasa

Kebanggaan bahasa merupakan sikap yang mendorong seseorang atau kelompok untuk menjadikan bahasanya sebagai lambang identiti peribadi atau kelompoknya dan sekali gus membezakannya dari orang atau kelompok lain. Mereka menunjukkan rasa bangga dan penghargaan terhadap bahasa yang melambangkan identiti kebangsaan dan berfungsi sebagai alat perpaduan serta simbol penyatuan masyarakat berbilang kaum. Analisis deskriptif taburan kebanggaan bahasa dalam kalangan pelajar dipaparkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 : Kebanggaan Bahasa

Bil	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Agak tidak setuju	Sama ada setuju atau tidak setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat setuju	Min	SP
R11	Saya berasa puas hati	1 (0.5)	3 (1.5)	12 (5.9)	25 (12.4)	36 (17.8)	34 (16.8)	51 (45.0)	5.76	1.405

	apabila saya boleh berbahasa Melayu dengan baik. Semua orang harus bangga dengan bahasa Melayu. Bahasa Melayu penting dalam kehidupan saya. Saya fasih berbahasa Melayu berbanding bahasa yang lain. Bahasa Melayu dapat meningkatkan jati diri saya Bahasa Melayu lebih berprestij berbanding bahasa lain. Bahasa Melayu dapat meningkatkan pelbagai ilmu pengetahuan termasuk sains dan teknologi. Bahasa Melayu boleh menjadi bahasa antarabangsa									
B12		1 (0.5)	6 (3.0)	17 (8.4)	27 (13.4)	40 (19.8)	30 (14.9)	81 (40.1)	5.54	1.513
B13		7 (3.5)	14 (6.9)	19 (9.4)	48 (23.8)	37 (18.3)	27 (13.4)	50 (24.8)	4.86	1.706
B14		17 (8.4)	39 (19.3)	35 (17.3)	29 (14.4)	25 (12.4)	20 (9.9)	37 (18.3)	4.06	1.972
B15		11 (5.4)	18 (8.9)	31 (15.3)	51 (25.2)	28 (13.9)	25 (12.4)	38 (18.8)	4.46	1.771
B16		21 (10.4)	31 (15.3)	41 (20.3)	50 (24.8)	25 (12.4)	21 (10.4)	13 (6.4)	3.70	1.672
B17		21 (10.4)	35 (17.3)	43 (21.3)	45 (22.3)	27 (13.4)	17 (8.4)	14 (6.9)	3.64	1.679
B18		30 (14.9)	28 (13.9)	35 (17.3)	40 (19.8)	26 (12.9)	18 (8.9)	25 (12.4)	3.78	1.906
B19	Bahasa Melayu	10 (5.0)	27 (13.4)	30 (14.9)	49 (24.3)	32 (15.8)	29 (14.4)	25 (12.4)	4.25	1.711

	boleh memajukan pelbagai aspek kekayaan negara. Bahasa Melayu perlu dikekalkan dan diperjuangk an seiring dengan zaman.	3 (1.5)	16 (7.9)	14 (6.9)	38 (18.8)	32 (15.8)	37 (18.3)	62 (30.7)	5.17	1.676
B20										
Keseluruhan									4.52	1.372
n										

(Tahap: Rendah = 1.00 – 3.00, Sederhana = 3.01 – 5.00, Tinggi = 5.01 – 7.00)

Dalam kajian ini, tahap kebanggaan bahasa diukur oleh 10 item. Jadual 5 menunjukkan tiga item mempunyai skor yang tinggi, manakala tujuh item lagi mempunyai skor yang sederhana. Item yang mempunyai skor yang tinggi adalah saya berasa puas hati apabila saya boleh berbahasa Melayu dengan baik (min = 5.76, SP = 1.405), semua orang harus bangga dengan bahasa Melayu (min = 5.54, SP = 1.513) dan bahasa Melayu perlu dikekalkan dan diperjuangkan seiring dengan zaman (min = 5.17, SP = 1.676). Manakala item yang mempunyai skor yang sederhana adalah bahasa Melayu penting dalam kehidupan saya (min = 4.86, SP = 1.706), saya fasih berbahasa Melayu berbanding bahasa yang lain (min = 4.06, SP = 1.972), bahasa Melayu dapat meningkatkan jati diri saya (min = 4.46, SP = 1.771), bahasa Melayu lebih berprestij berbanding bahasa lain (min = 3.70, SP = 1.672), bahasa Melayu dapat meningkatkan pelbagai ilmu pengetahuan termasuk sains dan teknologi (min = 3.64, SP = 1.679), bahasa Melayu boleh menjadi bahasa antarabangsa (min = 3.78, SP = 1.906) dan bahasa Melayu boleh memajukan pelbagai aspek kekayaan negara (min = 4.25, SP = 1.711). Secara keseluruhannya, skor tahap kebanggaan bahasa (min = 4.52, SP = 1.372) dalam kalangan murid adalah berada pada tahap yang sederhana.

Kesedaran norma bahasa

Kesedaran adanya norma bahasa mendorong penggunaan bahasa secara cermat, betul, santun, dan layak. Kesedaran yang demikian merupakan faktor yang sangat menentukan perilaku tutur dalam wujud penggunaan bahasa (language use). Kesedaran norma bahasa juga akan memastikan penutur akan menggunakan bahasa yang sesuai, berkesan, dan menunjukkan kesantunan. Analisis deskriptif taburan kesedaran norma bahasa dalam kalangan pelajar dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Kesedaran Norma Bahasa

Bil	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Agak tidak setuju	Sama ada setuju atau tidak setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat setuju	Min	Max
B2 1	Saya menggunakan bahasa Melayu ketika bersama dengan rakan-rakan.	15 (7.4)	30 (14.9)	35 (17.3)	40 (19.8)	28 (13.9)	35 (17.3)	19 (9.4)	4.0 7	1.76 7
B2 2	Bahasa Melayu menjadikan saya bertutur dengan lebih sopan.	14 (6.9)	22 (10.9)	38 (18.8)	51 (25.2)	34 (16.8)	19 (9.4)	24 (11.9)	4.1 0	1.69 3
B2 3	Saya kurang selesa menggunakan bahasa Melayu bercampur aduk dengan bahasa Inggeris.	45 (22.3)	47 (23.3)	26 (12.9)	27 (13.4)	16 (7.9)	16 (7.9)	25 (12.4)	3.3 5	2.04 2
B2 4	Saya berasa kurang selesa apabila seseorang berbahasa asing atau berbahasa Inggeris sedangkan orang lain berbahasa Melayu ketika bertutur.	60 (29.7)	35 (17.3)	25 (12.4)	40 (19.8)	18 (8.9)	11 (5.4)	13 (6.4)	3.0 3	1.85 8
B2 5	Saya memberi peluang kepada diri saya untuk belajar bahasa Melayu dari semasa ke semasa.	5 (2.5)	14 (6.9)	25 (12.4)	43 (21.3)	45 (22.3)	35 (17.3)	35 (17.3)	4.7 5	1.59 5

	Dalam situasi formal, saya lebih banyak menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa lain. Saya akan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya apabila bertelefon dan bermesej dengan rakan-rakan									
B2 6	Saya merujuk kamus dan guru dalam memastikan penggunaan istilah bahasa Melayu saya tepat. Saya akan membantu rakan-rakan yang sukar untuk menggunakan bahasa Melayu. Saya sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu.	22 (10.9)	28 (13.9)	37 (18.3)	34 (16.8)	26 (12.9)	24 (11.9)	31 (15.3)	4.0 4	1.92 9
B2 7		65 (32.2)	36 (17.8)	38 (18.8)	25 (12.4)	16 (7.9)	18 (8.9)	4 (2.0)	2.8 1	1.73 3
B2 8		20 (9.9)	29 (14.4)	31 (15.3)	27 (13.4)	31 (15.3)	37 (18.3)	27 (13.4)	4.1 8	1.92 2
B2 9		9 (4.5)	20 (9.9)	32 (15.8)	29 (14.4)	37 (18.3)	46 (22.8)	29 (14.4)	4.5 8	1.73 8
B3 0		6 (3.0)	8 (4.0)	12 (5.9)	32 (15.8)	33 (16.3)	49 (24.3)	62 (30.7)	5.3 4	1.61 1
Keseluruhan									4.0 3	1.16 0

(Tahap: Rendah = 1.00 – 3.00, Sederhana = 3.01 – 5.00, Tinggi = 5.01 – 7.00)

Dalam kajian ini, tahap kesedaran norma bahasa diukur oleh 10 item. Jadual 6 menunjukkan satu item mempunyai skor yang tinggi, lapan item mempunyai skor yang sederhana dan satu item lagi mempunyai skor yang rendah. Item yang mempunyai skor yang tinggi adalah saya sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu (min = 5.34, SP = 1.611). Manakala item yang mempunyai skor yang sederhana adalah saya menggunakan bahasa Melayu ketika bersama dengan rakan-rakan (min = 4.07, SP = 1.767),

bahasa Melayu menjadikan saya bertutur dengan lebih sopan (min = 4.10, SP = 1.693), saya kurang selesa menggunakan bahasa Melayu bercampur aduk dengan bahasa Inggeris (min = 3.35, SP = 2.042), saya berasa kurang selesa apabila seseorang berbahasa asing atau berbahasa Inggeris sedangkan orang lain berbahasa Melayu ketika bertutur (min = 3.03, SP = 1.858), saya memberi peluang kepada diri saya untuk belajar bahasa Melayu dari semasa ke semasa (min = 4.75, SP = 1.595), dalam situasi formal, saya lebih banyak menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa lain (min = 4.04, SP = 1.929), saya merujuk kamus dan guru dalam memastikan penggunaan istilah bahasa Melayu saya tepat (min = 4.18, SP = 1.922) dan saya akan membantu rakan-rakan yang sukar untuk menggunakan bahasa Melayu (min = 4.58, SP = 1.738).

Bagi item yang mempunyai skor yang rendah pula adalah saya akan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya apabila bertelefon dan bermesej dengan rakan-rakan (min = 2.81, SP = 1.733). Secara keseluruhannya, skor tahap kesedaran norma bahasa (min = 4.03, SP = 1.160) dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap yang sederhana. Analisis perbezaan sikap bahasa Melayu murid juga dilaksanakan berdasarkan jantina. Hasil ujian-t yang dijalankan bagi menguji perbezaan sikap bahasa Melayu murid berdasarkan jantina dipaparkan menerusi jadual 7.

Jadual 7 Ujian-t Perbezaan Sikap Bahasa Melayu Pelajar Berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig.P
Kesetiaan bahasa	Lelaki	68	4.06	1.243	1.602	0.111
	Perempuan	134	3.76	1.269		
Kebanggaan bahasa	Lelaki	68	4.57	1.296	0.345	0.731
	Perempuan	134	4.50	1.413		
Kesedaran norma bahasa	Lelaki	68	4.11	1.226	0.742	0.459
	Perempuan	134	3.98	1.127		
Sikap bahasa Melayu pelajar	Lelaki	68	4.25	1.146	0.960	0.338
	Perempuan	134	4.08	1.173		

Hasil daripada analisis ujian-t seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7, mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesetiaan bahasa [$t = 1.602$, $p = 0.111$], kebanggaan bahasa [$t = 0.345$, $p = 0.731$] dan kesedaran norma bahasa [$t = 0.742$, $p = 0.459$] berdasarkan jantina responden. Manakala keseluruhannya pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan bagi sikap bahasa Melayu murid [$t = 0.960$, $p = 0.338$] dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina. Jelas dapatan ini menunjukkan tidak ada perbezaan sikap bahasa Melayu murid berdasarkan jantina responden yang berbeza sama ada dalam kesetiaan bahasa, kebanggaan bahasa dan kesedaran norma bahasa

PERBINCANGAN

Dapatan kaiajn terhadap impak pelaksanaan Program DLP dalam proses PdP Sains dan Matematik terhadap sikap bahasa murid jelas menunjukkan bahawa sikap murid-murid terhadap bahasa Melayu adalah positif. Sikap bahasa mereka terhadap bahasa Melayu menunjukkan pandangan mereka terhadap kepentingan bahasa tersebut. (Richards, Platt dan Webber (1985). Murid-murid juga menunjukkan sikap yang positif terhadap kesetiaan (min = 3.87, SP = 1.265), kebanggaan (min = 4.52, SP = 1.372) dan kepatuhan kepada norma bahasa Melayu (min = 4.03, SP = 1.160). Mereka juga menitikberatkan aspek-aspek linguistik, jati diri, dan sentiasa berusaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu.

Impak Program DLP terhadap bahasa Melayu adalah besar kerana bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Walau bagaimanapun, sikap mereka terhadap bahasa Melayu masih boleh dibanggakan kerana mereka masih bangga menggunakan bahasa Melayu dan ingin bahasa Melayu diperjuangkan seiring zaman. Menurut Fasold (1984) sikap bahasa terbuka kepada penutur dan masyarakat bahasa dalam menguasai dan meneruskan bahasa tersebut. Sikap bahasa juga sangat sensitif kepada perubahan sosial dan politik. Penutur bahasa akan cenderung menggunakan bahasa yang mempunyai peranan atau fungsi-fungsi yang tertentu (Holmes 2008).

Walaupun terdapat kajian ini yang menyatakan pelajar menunjukkan sikap yang negatif terhadap pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, namun sikap ini tidak menyeluruh. Sikap negatif ini wujud disebabkan oleh masalah penguasaan bahasa Inggeris yang kurang baik sehingga mereka sukar memahami istilah-istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (Ismail & Md Yusoff, 2020). Penguasaan bahasa Inggeris yang kurang ini turut memberi impak kepada pencapaian pembelajaran pelajar kerana komunikasi dalam bahasa Inggeris sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas secara individu atau berkumpulan mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian pelajar (Weindling, 1985).

Bagi murid-murid dalam kajian ini, penguasaan bahasa Inggeris yang kurang baik bukan satu masalah kerana mereka akan menggunakan penukaran kod bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Guru akan menjelaskan istilah-istilah yang kurang difahami murid dalam bahasa Melayu. Murid-murid tanpa teragak-agak akan menggunakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, malah fenomena ini dianggap sebagai sudah menjadi kebiasaan. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan status dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan komunikasi para pelajar. Penggunaan bahasa yang bercampur aduk ini merupakan satu bentuk kehilangan bahasa yang sekiranya tidak dibendung akan beransur-ansur menghakis kekuatan bahasa itu sendiri. Hakikatnya, bahasa apa-apa sekalipun dalam dunia ini pasti tidak merelakan percampuran struktur dan tatabahasa dalam bahasanya.

KESIMPULAN

Pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) dalam mata pelajaran berteraskan Sains, Matematik dan Teknologi merupakan salah satu tindakan kerajaan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid-murid di sekolah. Walaupun dalam Program DLP menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik, namun sikap bahasa murid terhadap bahasa Melayu adalah positif. Begitu juga dengan sikap kesetiaan, kebanggaan dan norma kesedaran bahasa terhadap bahasa Melayu juga positif. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada dunia pendidikan terutama dalam membina sikap positif terhadap bahasa Melayu agar murid-murid akan tetap yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di Malaysia. Tidak salah menguasai bahasa Inggeris, tetapi jangan sampai keghairahan untuk berbahasa Inggeris menyebabkan bahasa sendiri terabai dan dipinggirkan. Memartabatkan bahasa Melayu bukan sekadar mengangkat penggunaan bahasanya, tetapi juga mengangkat nilai-nilai yang terdapat dalamnya. Sesungguhnya bahasa Melayu mempunyai masa hadapan yang gemilang jika semua pihak memberikan komitmen dan kerjasama sederap dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu bahasa dunia.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusof. 2014. Sikap Kanak-Kanak Orang Asli di Bandar Raya Kuala Lumpur Terhadap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2), 57 – 66.
- Anwar Ridhwan. 2016. Apabila Guru Tidak Mahir Berbahasa Inggeris. *Berita Harian*, 4 April :25.
- Ashairi Suliman, Mohamed Yusof Mohd Nor & Melor Mohd Yunus. 2017. Dual Language Programme in Malaysian Secondary Schools : Are You Ready?. *Prosiding Seminar Pendidikan SERANTAU Ke-VIII 2017*. Hlm. 465 – 475.
- Chew, Fong Peng. 2008. Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) : penerimaan dan kesannya terhadap status bahasa Melayu. *Jurnal Sarjana Jilid 23*, 52-71
- Fasold, Ralph. 1984. *The Sociolinguistics of Society* . Oxford: Basil Blackwell.
- Holmes, Janet. 2008. *An Introduction to Sociolinguistics*. (Third Edition), Essex: Pearson Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Garis Panduan Pelaksanaan Dual Language Programme (DLP).
- Kundharu Saddhono & Muhammad Rohmadi. 2014. A Sociolinguistics Study of the Use Javanese Language in the Learning Process in Primary Schools in Surakarta, Central Java, Indonesia. *International Education Studies*, Vol. 7, No. 6, 25 – 30.
- Magdahalela Tjalla. 2015. Reviewing Bilingual Education Programme. *Jurnal Al-Lisan*, 1(1), 73 – 85.
- Melor Md. Yunus & Saiful Islam Ahmad Sukri. 2018. The Use of English in Teaching Mathematics and Science: The PPSMI Policy vis-a-vis the DLP. *Advances in Language and Literacy Studies* . 8(1), 133-142.
- Michelle & Muhammad Sofwan, 2024 Level of Teacher's Readiness towards the Implementation of Dual Language (Dual Language Program) in Mathematics Subjects in Schools-Inland Schools, Sarawak, *International Journal Of Academic Research In Progressive Education And Development*, 13(1), 53-66.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Shukeri Mohamad, Mohd Alwee Yusoff & Mohd Bakht Hj Ali. 2015. Penggunaan Bahasa Pertama dalam Kelas Bahasa Arab: Sokogan Pengajaran atau Penghalang Pembelajaran. *International Conference On Islamic Education Entrepreneurship* , 12-14 Oktober 2015. Langkawi . hlm 297-310.
- Mohamad Ghazali Ibrahim. 1998. Analisis Penukaran Kod dan Pembauran kod di kalangan siswa siswi Singapura di Malaysia : Satu Kajian Kes. . *Latihan Ilmiah*, Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Noor Azmi Mostafa.2004. *Bilingualism and Its Relationships with Intelligence and Academic Achievement*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. 2010. Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies* 10(3), 67 – 87.
- Nor Hasikin Hamaludin & Roslinda Rosli. 2019. Pencapaian dalam Pelaksanaan Dual Language Programme (DLP) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. Hlm. 98 – 107.

- Nur Ilyani, Nor Liza, & Zuraidah. 2024. English-Medium Instruction Programme In Malaysia: Readability Of Science Textbooks Used In Dual Language Programme At Primary Schools. *Issues In Language Studies*, 13(2), 5-70.
- Nur Izyan Mohd Noor. 2020. Analisis program dwibahasa (DLP) dan perbandingan pencapaian dalam subjek matematik murid tingkatan dua di negeri Selangor. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Richards, J. C., Platt, J., & Weber, H. 1985. *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. London: Longman Group UK Limited.
- Siti Huzaimah Abdullah & Zaimuariffudin Shukri Nordin. 2023. Persepsi dan cabaran guru terhadap Program Dwi Bahasa (DLP) di daerah Meradong. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10 (2), 93-109.
- Syaiful Hasan. 2018. Penilaian Terhadap Teori Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) Pada Peringkat Sekolah. Dlm. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (pnyt.) *Menelusuri Pengajian Melayu*. Hlm. 189 – 219. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Tan, Yao Sua. 2006. Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah jenis kebangsaan Cina: satu kes pendidikan dwibahasa. *PEMIKIR*, 44, 159 – 169.
- Teo Kok Seong. 2017. Bahasa Rojak Ancam Kelestarian Bahasa Melayu. *Pendidik* November: 14 – 16.
- Zaharani Ahmad. 2016. Program dwibahasa menggugat pembangunan pendidikan Malaysia. Dlm Abdullah Hasan & Zainal Abidin Borhan (pnyt). *Kami Bantah DLP*. Kuala Lumpur: Penerbit Rumah GAPENA dan Persatuan Penterjemah Malaysia.

Biodata Penulis:

Norlela Abdollah merupakan pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menjurus kepada bidang Sociolinguistik.

Karim Harun (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Psikolinguistik, Sejarah Linguistik dan Leksikografi.